

# Kekurangan tidak halang Ceteria miliki sarjana

UB 31.03.2022 P.08

Oleh Vivi Oliviana Najurus

**KOTA KINABALU:** Bertubuh kerdil dengan ketinggian hanya 120 sentimeter tidak menjadi halangan kepada graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menggenggam segulung ijazah sarjana.

Ceteria Nuraqilah Yahya Ariff, 29, membuktikan kelainan fizikal tidak menghalang untuk berjaya dalam pelajaran pada Majlis Konvokesyen UMS ke-22.

Graduan Ijazah Sarjana penerima Ijazah Sarjana Sains Komputer (Kecerdasan Pengkomputeran) itu menyifatkan kekurangan diri tidak pernah melemahkan semangatnya, sebaliknya menjadikan itu sebagai motivasi untuk membuktikan beliau boleh berjaya seperti insan normal lain.

“Kedua ibu bapa saya juga sentiasa memberikan sokongan yang tinggi untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana ini.

“Pensyarah dan rakan-rakan juga memahami keadaan saya dan sentiasa menyokong sepanjang perjalanan pengajian di UMS,” katanya semasa ditemui di Dewan Canselor, selepas menerima skrol ijazah sarjana di sini.



**GRADUASI:** Ceteria menerima skrol Ijazah sarjana daripada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Menurutnya, beliau bersyukur kerana tidak perlu berhadapan dengan cabaran pembelajaran atas talian ketika kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat

pandemik COVID-19 pada 2020.

“Pada ketika itu, saya sudah membuat persiapan akhir untuk pembentangan projek tahun akhir, oleh itu, saya tidak terlalu terkesan

untuk menghabiskan tugas-tugas pengajian saya semasa PKP dilaksanakan.

“Malah saya juga turut memanfaatkan masa dengan bekerja sebagai tutor

peribadi,” katanya.

Beliau yang berasal dari Perak turut menanam tekad melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah pada masa akan datang.